

TEKS UCAPAN

YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

PADA

14 APRIL 2015

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat samasama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Februari 2015 ini.

PENGURUSAN ASET KERAJAAN

2. Pengurusan aset kerajaan merupakan satu perkara yang perlu diambil perhatian bagi memastikan fungsi aset tersebut boleh diguna pakai. Hampir setiap aset tidak terlepas dari daripada kecacatan atau kerosakan walaupun berbagai-bagai langkah pencegahan diambil semasa reka bentuk dan pembinaannya. Di sini kontraktor penyenggaraan memainkan peranan yang penting di dalam penyenggaraan aset-aset LLM. Adalah wajar prestasi kontraktor yang dilantik untuk menyelenggara bangunan aset LLM dipantau. Di dalam melantik kontraktor beberapa perkara perlu diambil perhatian iaitu:

- i. perlu dipastikan semua kontraktor yang diberi tender menyelenggara bangunan Kerajaan adalah kontraktor yang berkelayakan dan berdaftar;

- ii. penyelenggaraan yang baik serta kemudahan yang optimum akan membolehkan jangka hayat bangunan dapat dipanjangkan;
 - iii. dokumen tender dan perjanjian penyenggaraan perlu diteliti bagi memastikan tiada kelemahan yang akhirnya akan merugikan pihak Kerajaan di masa akan datang.
3. Dalam pada itu, LLM juga mengenakan caj sewaan bagi aset LLM seperti dewan serbaguna ini. Saya meminta agar aset yang terdapat di dalam Dewan LLM dijaga dengan baik terutama setelah sistem audinya dinaik taraf, penambahhan penyaman udara dan pembaikan bumbung.
4. Selain daripada memastikan aset didalam kompaun LLM disenggara dengan sempurna, aset-aset lebuhraya juga merupakan tanggungjawab LLM untuk memastikan ianya di senggara sehingga perjanjian konsesi telah tamat. Disini peranan kita dalam memantau dan menyelia penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi mengikut standard yang ditetapkan agar aset lebuhraya ini mampu bertahan dengan lebih lama.

KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA

5. Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya saing dan berada pada landasan kukuh untuk mencatat pertumbuhan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2015. Meskipun berdepan ketidaktentuan luaran, ekonomi negara masih mampu mencatatkan pertumbuhan purata tahunan kukuh sekitar 5.0 peratus dalam tempoh hampir sedekad. Pada tahun 2014, ekonomi negara adalah antara ekonomi yang berkembang pesat di rantau Asia dengan mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.0 peratus, dipacu permintaan domestik serta kemajuan dalam perdagangan luar.

6. Menurut laporan itu lagi, Sektor pembinaan terus kukuh, didorong terutamanya oleh sub sektor kediaman dan bukan kediaman. Ini menunjukkan sektor pembinaan juga merupakan tunjang dan peneraju terpenting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Alhamdulillah, dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, Negara kita masih lagi mengekalkan momentum positif ke arah mencapai ststus negara maju berpendapatan tinggi.

PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

7. Seperti kita sedia maklum, bermula 1 April 2015, pelaksanaan Cukai barangan dan Perkhidmatan (GST) telah berkuat kuasa. GST merupakan satu sistem percukaian adil kerana ia mengagihkan beban percukaian dalam kalangan kelompok penduduk secara lebih meluas berdasarkan jumlah penggunaan serta menetapkan jenis dan kuantum cukai yang perlu dibayar seseorang pengguna bagi barangan dan perkhidmatan yang digunakannya.

8. Ketika ini, negara terlalu bergantung pada cukai pendapatan individu dan badan korporat. Dengan jumlah 28 juta penduduk Malaysia hanya tidak sampai dua juta adalah pembayar cukai pendapatan. Dengan sistem percukaian GST penduduk yang berpendapatan rendah hanya membayar jumlah minimum, memandangkan mereka menggunakan barangan dan perkhidmatan perlu sahaja seperti makanan, pengangkutan dan pendidikan, yang mungkin sifar kadarnya dan pengguna tidak perlu membayar cukai tambahan. Cukai dikenakan terhadap mereka yang mampu berbelanja sahaja. Memandangkan golongan lebih berada dan kaya menggunakan lebih banyak barangan dan perkhidmatan, maka

secara automatik, merekalah yang paling banyak dikenakan cukai di bawah GST, bukan golongan berpendapatan rendah.

9. Dalam memastikan rakyat tidak tertindas dengan sikap peniaga yang menaikkan harga barangan atas alasan GST, Kerajaan telah menubuhkan 2 buah *Call Centre* yang beroperasi 24 jam dikendalikan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KASTAM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). *Call Centre* yang dikendalikan oleh KASTAM akan menguruskan pertanyaan mengenai perniagaan manakala *Call Centre* yang dikendalikan oleh KPDNKK akan menguruskan pertanyaan mengenai barangan yang dikenakan GST.

10. Sebagai agensi yang terlibat secara langsung dengan kontraktor yang melaksanakan projek-projek Kerajaan, saya berharap supaya pegawai yang terlibat telah memperlengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai GST. Saya difahamkan beberapa siri seminar dan taklimat telah dianjurkan bagi memperjelaskan tentang pelaksanaan GST ini. Saya berharap dengan seminar yang dianjurkan dapat memberi sedikit pencerahan berkenaan dengan pelaksanaan GST. Tuan puan juga boleh mendapatkan maklumat – maklumat lanjut berhubung dengan GST

melalui laman portal KASTAM dan KPDNKK atau melalui call centre yang telah saya nyatakan tadi.

SAMBUTAN HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2015

11. Pada 19 Februari setiap tahun, negara akan menyambut Hari Antidadah Kebangsaan dan ia merupakan satu usaha memperingati pengistiharannya sebagai musuh nombor 1 negara pada tahun 1983 oleh YBhg Tun Dr Mahathir bin Mohamad. Objektif sambutan Hari Antidadah ini adalah memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah terutama kepada remaja & kanak-kanak.

12. Suka saya memaklumkan statistik berkenaan dengan gejala penyalahgunaan dadah di negara ini. Laporan *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) bagi tahun 2013 mengatakan aktiviti pengedaran dadah kini semakin canggih dengan menggunakan dunia maya sebagai medium perhubungan komunikasi. "Demand " dan "Supply" dadah dilakukan secara atas talian serta menjadikan media sosial sebagai rangkaian transaksi terbaru bagi mengelak dikesan pihak berkuasa. Pada tahun 2014 sahaja, seramai 21,227 orang penagih telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, 63% merupakan penagih baru dan 37% adalah

merupakan penagih berulang.70% penagih yang dikesan merupakan mereka yang terdiri daripada golongan yang berumur 18 hingga 39 tahun. Ini menunjukkan tenaga muda dan belia yang sepatutnya menyumbang dalam pembangunan dan kemajuan negara telah dipersiapkan akibat penyalahgunaan dadah. Profil penagih dadah yang dikesan dari pecahan umur 16-19 tahun adalah seramai 847 orang pada tahun 2013 dan meningkat kepada 1,141 orang pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah sebanyak 35%.

13. Daripada statistik yang telah dinyatakan tadi, setiap daripada kita perlu mengambil serius berkenaan dengan isu ini. Kita perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pencegahan (intervensi) terhadap remaja dan kanak-kanak berkenaan penyalahgunaan dadah. Saya berharap warga LLM tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bersama-sama kita menyebarkan bahaya dan kesan penyalahgunaan dadah kepada keluarga dan komuniti tuan puan.

LAPORAN LAWATAN UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN (ICU) KE LLM

14. Untuk makluman, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM telah menjalankan lawatan ke LLM pada 23 Januari 2015 untuk meneliti aspek-aspek pengurusan LLM dan pematuhan kepada Surat Pekeliling Am yang berkaitan. Satu laporan pemerhatian hasil daripada lawatan tersebut baru sahaja dikeluarkan. Secara keseluruhan LLM telah mematuhi hampir semua keperluan yang digariskan dalam Surat Pekeliling Am yang berkaitan dan LLM telah diberikan skor Cemerlang atau markah 96%.

15. Bagi menambahbaik aspek pengurusan yang telah diamalkan, beberapa cadangan penambahbaikan telah disaran iaitu:

- i. Meletakkan sasaran baru yang lebih tinggi bagi KPI yang telah dicapai pada tahun sebelumnya.
- ii. Penetapan semua KPI berdasarkan lima teras dalam Pelan Strategik bagi meningkatkan keupayaan LLM sebagai badan yang bertanggungjawab mengawal selia pembangunan dan pengurusan lebuhraya bertol.

- iii. Menyemak semula Pelan Strategi sekurang-kurangnya dua tahun sekali bagi menilai kelemahan serta membuat penambakaan dari semasa ke semasa.

Diharap cadanga-cadangan ini diambil tindakan bagi meningkatkan keupayaan LLM dalam menjadi LLM bertaraf dunia dalam pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuh raya.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu"Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.